

CNS7002

U GB 22-06 00197 BH839

Bah

PERHATIAN EDITOR:

(Berita berikut menggantikan berita terdahulu)

PILIH PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA YANG BERTANGGUNGJAWAB, KATA PM

Mahathir - Kesatuan

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Hanya pemimpin yang bertanggungjawab, bebas daripada pengaruh politik dan tidak mementingkan diri sendiri sahaja yang patut dilantik sebagai pemimpin kesatuan sekerja, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil melahirkan rasa dukacitanya kerana ada segelintir pemimpin kesatuan sekerja yang tidak bertanggungjawab serta lebih mementingkan diri sendiri daripada nasib kaum pekerja, beliau berkata, sudah tiba masanya bagi anggota kesatuan sekerja di negara ini mengkaji tindakan tidak bertanggungjawab segelintir pemimpin mereka itu.

+Mereka (anggota kesatuan sekerja) tidak harus membiarkan pemimpin-pemimpin seperti ini memburukkan imej negara semata-mata kerana kepentingan peribadi mereka, + kata beliau dalam ucapan perasmian Konvensyen Cuepacs ke-19 di sini hari ini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek.

Katanya, pemimpin-pemimpin seperti itu lebih berminat bermain politik sehingga sanggup menyetepikan kepentingan negara asalkan matlamat peribadi mereka tercapai.

Tanpa menyebut nama pemimpin kesatuan sekerja itu, Dr Mahathir berkata, mereka tidak menghiraukan sama ada tindakan mereka akan menjejaskan ekonomi negara atau nasib kaum pekerja. -- Lagi

▼22/06/13-35MST

CNS7004

U GB 22-06 00137 BH840

Bah

Mahathir - Kesatuan 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, para pemimpin kesatuan sekerja seumpama itu sanggup menabur fitnah dan memburuk-burukkan negara sendiri di kalangan kesatuan sekerja antarabangsa.

Sehubungan itu, beliau berkata, para pekerja harus berhati-hati terhadap anasir yang ingin melihat Malaysia gagal dalam usahanya menjadi sebuah negara maju.

Katanya, kejayaan Malaysia dalam bidang ekonomi, terutama sektor pembuatan, bukan sahaja telah mengagumkan banyak negara tetapi juga mungkin menimbulkan rasa iri hati di kalangan sesetengah pihak.

+Ini kerana Malaysia kini dilihat sebagai sebuah negara pesaing yang boleh mengancam lain-lain negara dalam merebut pasaran dunia dan sebagai pesaing sudah tentu ada pihak yang tidak mahu melihat kita berjaya, + kata beliau.

Beliau berkata pihak-pihak itu akan menggunakan apa juga helah untuk menggagalkan cita-cita Malaysia untuk terus maju. -- Lagi

▼22/06/1 -42MST

CNS7040

U GB 22-06 00174 BH841

bah

Mahathir - Kesatuan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga mahukan kaum pekerja peka dengan aspirasi dan harapan rakyat kerana keinginan mereka semakin meningkat dan bijak tidak seperti dahulu, menerima apa sahaja tanpa soalan.

+Rakyat tidak boleh dipermain-mainkan dan hendaklah dilayani dengan baik, penuh mesra dan segera,+ kata beliau.

Sambil melahirkan rasa dukacitanya kerana masih ada segelintir pekerja awam yang tidak menjalankan tugas dengan baik dan sempurna apabila berurusan dengan rakyat, beliau berkata, hubungan anggota perkhidmatan awam dengan rakyat hendaklah sentiasa erat dan terus dipupuk supaya usaha pembangunan kerajaan untuk faedah rakyat dapat berjalan lancar.

Mengenai imbuhan tahunan (bonus) di bawah Sistem Saraan Baru (SSB), Dr Mahathir berkata, ia tidak menjadi satu insentif bagi pegawai dan kakitangan kerajaan kerana dalam keadaan ekonomi yang turun-naik, pembayaran bonus itu bukanlah suatu perkara tetap, tetapi berkait rapat dengan hasil pendapatan negara.

Menurut beliau, kerajaan akan melaksanakan janjinya itu tertakluk kepada faktor pencapaian prestasi ekonomi negara serta kedudukan kewangan negara bagi tempoh yang berkenaan. -- Bernama.

▼22/06/14-31MST